




JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(Accountant General's Department Malaysia)
BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM
ARAS 5 & 6, PERBENDAHARAAN 2
NO. 7, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62594 PUTRAJAYA



Tel. : 603-8886 9500
Faks : 603-8888 7112
Web : <http://www.anm.gov.my>

Ruj : ANM/BPAD/81/3/3/1 Jld .2 (48)

Tarikh : 7 Mei 2013

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Unit Komunikasi Korporat
Aras 5, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62504 PUTRAJAYA

Tuan,

HEBAHAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Audit Dalam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang mengadakan hebahan kepada semua penjawat awam berkaitan pematuhan kepada AP150 iaitu Prosedur Pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan. Hebahan ini bertujuan menyampaikan maklumat serta memberi kesedaran kepada semua penjawat awam terutamanya yang menjalankan tugas berkaitan pengurusan rekod kewangan dan perakaunan, mengenai keperluan pemusnahan rekod tersebut mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam AP150. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk hebahkan maklumat yang disertakan bersama ini, kepada **semua pegawai** di jabatan tuan melalui emel rasmi pegawai.

3. Kami amat berbesar hati sekiranya hebahan tersebut dapat dilaksanakan **seberapa segera atau sebelum 13 Mei 2013**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini bolehlah **menghubungi Pn. Farradila binti Md Yusob di talian 03-88869585** atau emel farra@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"inovasi Penggerak Transformasi Perakaunan Akruan"

Saya yang menurut perintah,

NORAZLINA BINTI ZAKARIA

Bahagian Pengurusan Audit Dalam

b.p Akauntan Negara Malaysia

Tel: 03-88869509 Emel: azlinaz@anm.gov.my